

**TEKS UCAPAN LT. KOL. PROF. DATO' DR. KAMARUDIN HUSSIN  
SEMPENA MAJLIS PERASMIAN BENGKEL PERSEDIAAN InTra 2004 PADA 25  
OKTOBER 2004 DI KUALA PERLIS.**

BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH DAN  
SALAM SEJAHTERA.

YANG BERUSAHA SAUDARA PENERUS MAJLIS,

YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. AMIR AWANG, PENGARAH INSTITUT  
PEMIKIRAN TUN DR. MAHATHIR, UNIVERSITI UTARA MALAYSIA (UUM),

PEGAWAI-PEGAWAI UTAMA KUKUM,

DEKAN-DEKAN DAN KETUA-KETUA JABATAN,

PENSYARAH-PENSYARAH,

DAN MAHASISWA/I KUKUM YANG DIKASIHI SEKALIAN.

BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH S.W.T KERANA DENGAN LIMPAH KURNIA  
SERTA DENGAN IZINNYA, MAJLIS KITA PADA PAGI INI DAPAT DILANGSUNG  
DAN DIZAHIRKAN DENGAN JAYANYA. PERTAMA SEKALI IZINKAN SAYA  
MENGUCAPKAN SELAMAT DATANG KEPADA TETAMU JEMPUTAN ISTIMEWA  
KITA IAITU YANG BERBAHAGIA DATO' PROF DR AMIR AWANG.

SESUNGGUHNYA KEHADIRAN YANG BERBAHAGIA DATO' MENUNJUKKAN  
KEPADA KITA BETAPA TINGGINYA KOMITMEN DAN HARAPAN BELIAU  
UNTUK BERKONGSI PENGALAMAN DAN MENANAMKAN CIRI-CIRI  
KEPIMPINAN SERTA PENGURUSAN TEKANAN ATAU "STRESS MANAGEMENT"  
SEBAGAI SATU PERSEDIAAN UNTUK PELAJAR-PELAJAR BAGI MENJALANI  
LATIHAN INDUSTRI MULAI 1HB DISEMBER 2004 INI. TIDAK LUPA JUGA  
KEPADA AHLI-AHLI PANEL DAN PENCERAMAH YANG LAIN SEPERTI TUAN

HAJI HUZILI DARI UNIT PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN KUKUM, AGILENT TECHNOLOGY, INTEL, SOLECTRON, ACM DAN SEBAGAINYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

MASA BERLALU BEGITU PANTAS DAN KINI SUDAH TIBA MASANYA SAYA TERPAKSA MELEPASKAN PELAJAR-PELAJAR KELUAR SEMENTARA DARI KUKUM UNTUK MENJALANI LATIHAN INDUSTRI SELAMA 4-6 BULAN DI INDUSTRI. ADA YANG DITEMPATKAN DI INDUSTRI DI KULIM, PULAU PINANG, MELAKA, KUALA LUMPUR DAN SEBAGAINYA. SAYA INI IBARAT BAPA YANG AKAN BERJAUHAN DENGAN ANAK-ANAKNYA. SUDAH PASTI SEBAGAI BAPA TIMBUL SERIBU SATU PERSOALAN DI BENAK MAHUPUN DI FIKIRAN SAYA.

SELAMATKAH ANAK SAYA DI TEMPAT ORANG? MAKAN KAH? MINUM KAH? BAGAIMANA LAYANAN ORANG TERHADAP ANAK-ANAK SAYA ITU NANTI? PANDAIIKAH ANAK-ANAK SAYA MEMBAWA DIRI? OLEH SEBAB ITULAH BENGKEL PERSEDIAAN INTRA 2004 INI DIADAKAN KHAS UNTUK PELAJAR-PELAJAR SUPAYA ANDA SEMUA DAPAT BERSEDIA DARI SEGI FIZIKAL DAN MENTAL UNTUK BERADA DI TEMPAT LATIHAN INDUSTRI ITU NANTI.

SAYA JUGA TELAH MEMINTA PIHAK PUSAT KERJASAMA INDUSTRI DAN PUSAT-PUSAT PENGAJIAN SUPAYA MENDAPATKAN SYARIKAT YANG BAIK, YANG MANA DAPAT MEMBERI TUNJUK AJAR DAN PENGETAHUAN YANG BERGUNA KEPADA PELAJAR-PELAJAR SEKALIAN. DEK KERANA ITU PROSES PENENTUAN BAGI TEMPAT LATIHAN INDUSTRI AGAK LAMA UNTUK MEMBUAT 'FINALISED' KERANA PIHAK PENGURUSAN KUKUM BEGITU TELITI DAN CUBA MENDAPATKAN TEMPAT YANG TERBAIK UNTUK PELAJAR-PELAJARNYA.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

DEWASA INI PERSAINGAN DALAM APA JUA CABANG SERTA DISPLIN KEHIDUPAN BEGITU SENGIT. BAIK DALAM MEREBut PELUANG UNTUK MELANJUTKAN PELAJARAN KE PERINGKAT UNIVERSITI APATAH LAGI PELUANG MENDAPATKAN PEKERJAAN SETELAH BERGELAR GRADUAN NANTI. MASALAH INI JUGA BERLAKU BAGI PENEMPATAN PELAJAR UNTUK MENJALANI LATIHAN INDUSTRI DI SYARIKAT-SYARIKAT.

BANYAK ISU-ISU YANG TIMBUL PADA MASA KINI IAITU PELAJAR-PELAJAR DI IPTA SUKAR DAN GAGAL MENDAPATKAN TEMPAT UNTUK MENJALANI LATIHAN INDUSTRI. OLEH ITU PELAJAR-PELAJAR KUKUM HARUS BERSYUKUR KERANA ANDA SEMUA TELAH BERJAYA MENDAPAT TEMPAT DI INDUSTRI-INDUSTRI DAN KEBANYAKKANNYA DIBAYAR ELAUN.

KITA PERLU MENGUCAPKAN SYABAS KEPADA PUSAT KERJASAMA INDUSTRI, KOORDINATOR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN KOMPUTER DAN PERHUBUNGAN IAITU ENCIK PHAKLEN, KOORDINATOR PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN MIKROELEKTRONIK, CIK SANNA DAN TIDAK LUPA JUGA KEPADA PENSYARAH-PENSYARAH LAIN YANG TURUT MEMBANTU SEPERTI ENCIK JAMALI MD SHAH, DEKAN PUSAT PENGAJIAN KEJURUTERAAN PEMBUATAN, ENCIK AZUWIR, PROF. MADYA DR. UDA HASHIM, DEKAN PEMBANGUNAN DAN PENYELIDIKAN KUKUM, ENCIK NASRUDIN SHUKOR, TIMBALAN PENGARAH ICT KUKUM DAN DEKAN BAGI KEDUA-DUA PUSAT PENGAJIAN IAITU ENCIK AZMAN MOHD YUSOF DAN PROF. MADYA DR. ZUL AZHAR.

JUMLAH PELAJAR YANG AKAN MENGIKUTI LATIHAN INDUSTRI BAGI 2004 ADALAH SERAMAI 110 ORANG PELAJAR SAHAJA. CABARAN YANG LEBIH HEBAT AKAN KITA TEMPOH PADA TAHUN HADAPAN IAITU LEBIH KURANG SERAMAI 600 ORANG PELAJAR. JUSTERU ITU ADALAH PENTING NAMA BAIK

KUKUM, PRESTASI KERJA, HUBUNGAN, DISIPLIN DAN KOMITMEN YANG BAIK AKAN MENENTUKAN MASA DEPAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI KUKUM. BUKAN KEPADA PROGRAM INI SAHAJA TETAPI PELUANG PEKERJAAN KEPADA PARA PELAJAR APABILA TAMAT PENGAJIAN KELAK.

SAYA AMAT BERHARAP JANGAN APABILA TAMAT SAHAJA TEMPOH LATIHAN INDUSTRI ITU NANTI, KITA AKAN MENDENGAR DESAS-DESUS DAN RUNGUTAN DARIPADA PIHAK INDUSTRI YANG MENGATAKAN PELAJAR KUKUM TIDAK BERKUALITI, TIDAK BERDISPLIN, TIDAK BERTENAGA DAN LAIN-LAIN LAGI.

ANGGAPAN YANG NEGATIF INI SUDAH PASTI MENYEBABKAN GRADUAN KITA SUKAR UNTUK MENDAPAT PEKERJAAN YANG BAIK KELAK SELAIN MENYUKARKAN PELAJAR-PELAJAR YANG BERIKUTNYA UNTUK MENDAPAT TEMPAT DI INDUSTRI BAGI PROGRAM INTRA DI TAHUN-TAHUN BERIKUTNYA. KESANNYA, BUKAN SAHAJA HUBUNGAN BAIK YANG SEDIA ADA DI ANTARA KUKUM DENGAN INDUSTRI AKAN TERJEJAS MALAH MEMBERIKAN IMEJ YANG BURUK KEPADA KUKUM.

HADIRIN DAN HADIRAT SEKALIAN,

JIKA DILIHAT DARIPADA SLOT-SLOT YANG DISEDIAKAN SEPERTI PERSIAPAN MENTAL DAN PENGURUSAN DIRI, ‘SAYANG KUKUM JAGA KUKUM’, ‘STRESS MANAGEMENT’, ‘INDUSTRY EXPECTATION OF PRACTICAL STUDENTS’, ‘KOMUNIKASI BERKESAN’ DAN LAIN-LAIN LAGI ADALAH KE ARAH MEMBENTUK PELAJAR KUKUM YANG BERILMU, IKHLAS DAN CEMERLANG.

SAYA AMAT BERHARAP PARA PELAJAR DAPAT MEMANFAATKAN SEGALA ILMU DAN PENGETAHUAN YANG DIBERIKAN MELALUI BENGKEL INI HATTA MENGHARGAI SEGALA KERJASAMA, INISIATIF DAN PENAT LELAH TENAGA-TENAGA PENCERAMAH YANG BUKAN SAHAJA DARI TENAGA PENGAJAR

KUKUM TETAPI PIHAK LUAR SEPERTI UNIVERSITI UTARA MALAYSIA, AGILENT, INTEL, ACM, SR TECHNOLOGY, SOLECTRON DAN LAIN-LAIN LAGI YANG SENTIASA YAKIN DAN PERCAYA BAHAWA ANDA SEMUA MAMPU MELAKUKAN YANG TERBAIK.

ANDA SEMUA BAKAL MENJADI JURUTERA YANG CEMERLANG DAN TERBILANG KELAK. OLEH ITU SAYA AMAT BERHARAP HASIL DARIPADA BENGKEL PERSEDIAAN INTRA INI DAPAT MENCAPAI OBJEKTIFNYA. AKHIR KATA SAYA SEKALI LAGI INGIN MENGUCAPKAN RIBUAN TERIMA KASIH KEPADA YANG BERBAHAGIA DATO' PROF. DR. AMIR AWANG KERANA SUDI MELUANGKAN MASA UNTUK BERSAMA KITA PADA HARI INI. TIDAK KETINGGALAN JUGA PENGHARGAAN KEPADA PANEL-PANEL PENCERAMAH YANG LAIN DAN SEMUA YANG TERLIBAT BAGI MENJAYAKAN BENGKEL PERSEDIAAN INTRA 2004 SERTA INDIVIDU-INDIVIDU YANG TERLIBAT DALAM KESELURUHAN PROGRAM LATIHAN INDUSTRI KUKUM INI.

DENGAN LAFAZ BISMILLAH HIRRAHMAN NIRRAHIM, SAYA MERASMIKAN PEMBUKAAN BENGKEL PERSEDIAAN INTRA 2004 INI. SAYA SUDAH DENGAN WABILLAH TAUFIK WALHIDAYAH WASSALAMUALAIKUM WARAHMATULLAHI TAALA WABARAKATUH.